

BULETIN

LENSA MUALLIM

Bil : 1 / 2023



**FOLDING
BIKE CAMP 2023**

**LAWATAN KE TAPAK
PROJEK PEMBINAAN
SEKITAR MUALLIM**

**PELBAGAI AKTIVITI
SEPANJANG RAMADAN
DAN SYAWAL**

**BIG CLEANING DAY
MDTM**

SCAN QR UNTUK
VERSI DIGITAL



ISI KANDUNGAN

KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI) KE MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM	01	MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC), PERHIMPUNAN BULANAN DAN BERBUKA PUASA.	11
LAWATAN TAPAK PEMBINAAN PROJEK LPHP, TAPAK PERUMAHAN TRANSIT, HOSTEL KONTEINA DAN LORONG SENI MUALLIM	02	PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBOK	12
LAWATAN TURUN PADANG BERSAMA YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM	03	SESI TOWNHALL PELANCONGAN	13
PERHIMPUNAN BULANAN & MAJLIS PENGHARGAAN AHLI MAJLIS, MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM	04	ANGKAT SUMPAA AHLI MAJLIS BARU	14
BIG CLEANING DAY	05	LAWATAN PENANDA ARAS MAJLIS DAERAH JASIN	15
FOLDING BIKE CAMP	06	HARI TANPA KENDERAAN	15
INSPEKTORAT PEMATUHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN DI MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM	07	SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI	16
MAJLIS ANGKAT SUMPAA PENGAKUAN MENERIMA JAWATAN PERLANTIKAN AHLI MAJLIS, MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM	08	KURSUS PENGURUSAN BUKU LOG KENDERAAN, KAD INDEK & REKOD PERGERAKAN DAN PENGGUNAAN KAD SISTEM BAYAR TOL TANPA TUNAI	17
PROGRAM BACK TO SCHOOL	08	PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT (GOTONG ROYONG) DI UJANA MUALLIM PROTON CITY TG MALIM	18
TAKLIMAT KURSUS KEWANGAN	09	LAWATAN TURUN PADANG BERSAMA AREA OFFICER ZON A8 TAMAN SEGAR	18
AUDIT PEMATUHAN KEDUA BAGI SISTEM PENGURUSAN KUALITI 9001 2015	09	PROGRAM KAUNTER2U	19
KURSUS ASAS PERTOLONGAN CEMAS	10	PERHIMPUNAN BULANAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM	19
MAJLIS BACAANYASIN DAN SAMBUTAN RAMADAN	10	TAKLIMAT BAGAIMANA MENANGANI PROVOKASI SEMASA BERTUGAS	20
		LAWATAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM KE KILANG SIL LEATHER MALAYSIA SDN BHD	20

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Tuan Mohd Ikram bin Ahmad (Yang Dipertua MDTM)

KETUA EDITOR

Encik TS. Shahzan Hafiz bin Zainal Abidin
Encik Muhd Saifulbahari bin Hassan

PENOLONG EDITOR

Encik Muhammad Fitri bin Abd Barri
Encik Parthivan a/l Veeranan

JURUGAMBAR

Encik Mohamad Syukuri bin Hamid
Encik Ahmad Sahdan bin Mohd Zamri

PENASIHAT

Encik Roslan bin Kamaruzaman (Setiausaha)

EDITOR

Puan Nur Amirah Syazwani binti Samsudin

PEREKA GRAFIK

Encik Parthivan a/l Veeranan
Encik Karnan a/l Muniandy



KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI) KE MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM (MDTM)



12 JANUARI 2023 (Khamis) - Telah diadakan Kunjungan Hormat Pengurusan UPSI ke MDTM.

Deligasi yang hadir :

YBhg. Profesor Dato' Dr. Md Amin bin Md Taff (Naib Canselor UPSI)
 YBr. Profesor Dr. Norkhalid bin Salimin (Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 YBr. Encik Helmi Zaifura bin Abdul Rahman (Pendaftar)
 YBr. Tn. Hj. Mohamad Najib bin Mohamed (Bendahari)
 YBr. Tn. Hj. Ir. Ts. Zulkefly bin Mohd Yusof (Pengarah Jabatan Pengurusan Pembangunan dan Harta Benda)
 YBr. Prof. Madya Dr. Azmi bin Mohamed (Pengarah Jabatan Strategik)
 YBr. Cik Nurul Ain binti Sahar (Pegawai Tadbir)
 YBr. Encik Mohamad Zulhusni bin Mamat.

Deligasi ini sambut mesra oleh Tuan Mohd Ikram bin Ahmad Yang Dipertua MDTM dan diiringi oleh Tuan Roslan bin Kamaruzaman Setiausaha MDTM turut serta ketua-ketua jabatan dan kakitangan MDTM

LAWATAN TAPAK PEMBINAAN PROJEK LPHP, TAPAK PERUMAHAN TRANSIT, HOSTEL KONTENA DAN LORONG SENI MUALLIM



9 JANUARI 2023 (Isnin) - Lawatan Tapak Projek Perumahan Mampumilik di Trolak Pekan dan Mukim Hulu Bernam, Tapak Perumahan Transit, Hostel Kontena dan Lorong Seni Muallim di Bandar Tanjong Malim oleh YB Puan Sandra Ng Shy Ching, Pengerusi JK Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak diiringi oleh Tuan Mohd Ikram bin Ahmad, Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim, Turut hadir Tuan Roslan bin Kamaruzaman Setiausaha MDTM dan Ketua-ketua jabatan MDTM.

Lorong Seni Muallim mula diselenggara pada November 2022 dimana pembaharuan bagi konsep lukisan mural yang dibawa kini adalah "Produk Pelancongan dan Nostalgia Daerah Muallim". Kreativiti dan hasil seni melalui teknik Grafitti ini merupakan hasil daripada artis tempatan Encik Mohd Afiq bin Othman yang lebih dikenali sebagai 'Bop Sopan'. Lukisan-lukisan juga telah disediakan dengan QR yang boleh diimbas oleh pengunjung untuk mendapatkan maklumat serta pengkisahan bagi lukisan-lukisan tersebut.



Lawatan ini juga adalah bertujuan agar Projek-projek dipantau dan dapat dilaksanakan secepat mungkin. Disamping itu lawatan ini juga bagi membantu menyelesaikan isu tanah bagi memastikan pembangunan yg dicadangkan dapat dilaksanakan dengan jayanya.



LAWATAN TURUN PADANG BERSAMA YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

18 JANUARI 2023 (Rabu) - MDTM telah mengadakan Lawatan Turun Padang bersama Tuan Ikram bin Ahmad, Yang Dipertua MDTM bertempat di Kota Malim Prima.



Lawatan bertujuan untuk melihat aduan gelongsoran tanah berhampiran dengan Jalan KMP2A/4 atau 2B/1, Kota Malim Prima 2, tindakan lanjut akan dibuat bagi menangani isu berkenaan. Pihak yang terlibat dlm lawatan adalah Ahli Majlis MDTM, Tuan IR. Yussaime bin Ahmad yusuf Jurutera Daerah JKR Muallim, Encik Firdaus Mohni, Pengerusi KRT Kota Malim Prima, Wakil Pejabat Tanah Muallim dan Puncak Emas Infra Sdn. Bhd.



PERHIMPUNAN BULANAN & MAJLIS PENGHARGAAN AHLI MAJLIS, MDTM

17 JANUARI 2023 (Selasa) - Majlis Daerah Tanjong Malim telah mengadakan Perhimpunan Bulanan dan Majlis Penghargaan Ahli Majlis MDTM. Perhimpunan dan Majlis Penghargaan ini telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Ikram bin Ahmad, Yang Dipertua MDTM diiringi oleh Tuan Roslan bin Kamaruzaman, Setiausaha MDTM, Ahli Majlis MDTM, Ketua Jabatan dan Kakitangan MDTM.

Turut hadir dalam Majlis ini, YB Puan Salina binti Samsudin, ADUN Behrang dan YB Tuan Zulfadli bin Zainal, ADUN Slim yang merupakan Mantan Ahli Majlis MDTM.

Majlis Penghargaan Ahli Majlis telah disempurnakan dengan penyampai plak penghargaan dan terima kasih atas sumbangan Ahli Majlis kepada MDTM.





17 FEBRUARI 2023 (Selasa) - bertempat di Majlis Daerah Tanjong Malim telah diadakan Big Cleaning Day MDTM yang disempurnakan oleh Tuan Mohd Ikram bin Ahmad Yang Dipertua MDTM.



BIG CLEANING DAY MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

EXPLORE
NATURE

FOLDING BIKE

CAMP

17 FEBRUARI 2023 (Selasa) - Program Muallim Folding Bike Camp anjuran Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) dengan rakan kerjasama Muallim Foldies dan Kayuh & Picnic telah berlangsung dengan jayanya selama tiga hari dua malam iaitu pada 4 hingga 6 Februari 2023. Program Muallim Folding Bike Camp yang julung kali diadakan ini merupakan salah satu dari inisiatif pihak berkuasa tempatan dalam mengetengahkan eko-pelancongan di daerah ini berkonsepkan Adventure Muallim. Daerah Muallim juga mempunyai keindahan alam semulajadi yang mampu menjadi tarikan dan memberi pengalaman yang menarik kepada para peserta seterusnya secara tidak langsung dapat mempromosikan eko-pelancongan yang terdapat di daerah Muallim.

Seramai 134 orang peserta dari seluruh Malaysia termasuk dua peserta dari luar Negara iaitu Singapura dan Jepun telah turut serta dalam program ini. Program ini juga telah dapat menarik minat figura terkenal antara nya Ahadiat Akasyah, Amir Arsad, Ustazah Basikal. Peserta juga tidak melepaskan peluang menggunakan perkhidmatan KTM komuter yang membenarkan semua jenis basikal dibawa masuk dalam pengangkutan itu secara percuma sebagai capaian ke daerah ini.

Malam Meet and Greet telah dihadiri oleh En. Mohd Ikram bin Ahmad, Tuan Yang Dipertua MDTM, En. Roslan bin Kamaruzaman, Setiausaha MDTM, wakil Parlimen Tanjong Malim, wakil Pejabat Daerah dan Tanah Muallim serta Ketua-ketua Jabatan MDTM. Peserta juga terlibat dengan kayuhan Fun Ride sejauh 32km ke Sungai Bil yang merupakan salah satu produk pelancongan di sini.

Pihak penganjur merakamkan jutaan terima kasih kepada semua agensi dan pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program ini.

1. IBU PEJABAT POLIS DAERAH MUALLIM
2. KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD (KTMB)
3. PENGURUSAN STESEN KTM TANJONG MALIM
4. JABATAN PERHILITAN DAERAH BTG.PADANG & MUALLIM
5. PEJABAT DAERAH & TANAH MUALLIM
6. BULAN SABIT MERAH MALAYSIA DAERAH MUALLIM
7. PROTON CITY DEVELOPMENT CORPORATION
8. WARGA KERJA MDTM



INSPEKTORAT PEMATUHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN DI MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

13 FEBRUARI 2023 (Isnin) - bertempat di Bilik Sri Malim, MDTM diadakan Inspektorat Pematuhan Keselamatan Perlindungan di Majlis Daerah Tanjong Malim. Inspektorat yang hadir Tuan Hj. Mohamad Foudzli bin Abdullah Pengarah, Encik Aminudin bin Ramli Timbalan Pengarah, Puan Amira binti Aziz Seliman Pembantu Keselamatan Kanan, Encik Ahmat Jaafar bin Yaacob Pembantu Keselamatan Kanan dan Encik Muhammad Farid bin Haji Ahmad. Disambut oleh Tuan Roslan bin Kamaruzaman Setiausaha MDTM.

MAJLIS ANGKAT SUMPAH PENGAKUAN MENERIMA JAWATAN PERLANTIKAN AHLI MAJLIS, MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

13 FEBRUARI 2023 (Isnin) - Majlis Pengakuan menerima jawatan Ahli Majlis, Majlis Daerah Tanjong Malim tahun 2023 telah berlangsung pada jam 9:00 pagi bertempat di Bilik Seri Malim, MDTM

Upacara Majlis angkat sumpah yang melibatkan 21 Ahli Majlis ini telah disempurnakan dihadapan YB Puan Salina binti Samsudin, ADUN Behrang serta Tuan Ikram bin Ahmad, Yang Dipertua MDTM.

Turut hadir Tuan Roslan bin Kamaruzaman, Setiausaha MDTM, ACP Nor Afizah bt Md Nasir, Ketua Bahagian Pengurusan Daerah, IPD Muallim, barisan ketua jabatan MDTM dan wakil-wakil jabatan.

MDTM mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan ini dan berharap Ahli-ahli Majlis dapat melaksanakan tugas dengan komited, proaktif dan berkerjasama dalam membantu MDTM merangka pembentakan perkhidmatan yang terbaik kepada seluruh penduduk daerah Muallim





PROGRAM "BACK TO SCHOOL" MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

17 FEBRUARI 2023 (Jumaat) - bertempat di Auditorium Majlis Daerah Tanjong Malim diadakan Program "Back to School" Majlis Daerah Tanjong Malim. Seramai 79 orang penerima yang di taja oleh Syarikat Pakaian Hari-hari. Disempurnakan oleh Tuan Roslan bin Kamaruzaman Setiausaha MDTM.

TAKLIMAT PENGURUSAN KEWANGAN BERSAMA AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK) NEGERI PERAK



16 FEBRUARI 2023 (Khamis) - bertempat di Auditorium Majlis Daerah Tanjong Malim diadakan Taklimat Pengurusan Kewangan bersama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Negeri Perak.



AUDIT PEMATUHAN KEDUA BAGI SISTEM PENGURUSAN KUALITI 9001 2015 OLEH PIHAK CI INTERNATIONAL CERTIFICATION SDN BHD

2 MAC 2023 (Khamis) - Audit pematuhan telah dijalankan pada 2 Mac 2023. Auditor yang terlibat ialah En. Ong Yun Sen (Ketua Auditor), En. Ooi Soo Kang, En Radha Krishnan Menon dan Cik Phang Yan Man. Audit ini melibatkan 4 jabatan utama di Majlis Daerah Tanjong Malim iaitu Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perancangan Pembangunan, Jabatan Perbendaharaan, Unit OSC dan juga prosedur kualiti Majlis yang menyokong prosedur utama Majlis.

Semua jabatan yang terlibat memberi kerjasama dan komitmen yang sangat baik sepanjang audit dijalankan.



8&9 MAC 2023 (Rabu-Khamis) - bertempat di Auditorium MDTM diadakan Kursus Asas Pertolongan Cemas dan CPR.

Kursus ini telah disampaikan oleh Tuan Mohd Faiz bin Jamil Pengerusi Persatuan Bulan Sabit Merah Daerah Muallim.



KURSUS ASAS PERTOLONGAN CEMAS DAN CPR DI MDTM



MAJLIS BACAAN YASIN DAN SAMBUTAN RAMADAN PERINGKAT MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

22 MAC 2023 (Rabu) - bertempat di Auditorium aras 3, MDTM yang telah disampaikan oleh Ustaz Nor 'Azamuddin bin Mohsen Safwan dari pejabat Agama Islam Daerah Muallim. Dihadiri oleh Tuan Mohd Ikram bin Ahmad Yang Dipertua MDTM, Tuan Roslan bin Kamaruzaman Setiausaha MDTM, ketua-ketua Jabatan MDTM dan Kakitangan MDTM.



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC), PERHIMPUNAN BULANAN DAN BERBUKA PUASA.



12 APRIL 2023 (Rabu) - bertempat di Dewan Sri Tanjong, MDTM diadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Perhimpunan Bulanan dan Berbuka Puasa. Majlis ini telah dirasmikan oleh YDH. TOH Paduka Setia Dato' Ir Safri Kamal bin Hj. Ahmad Orang Besar Jajahan Muallim. Turut hadir Tuan Mohamad Fitri bin Hassan, Pegawai Daerah Muallim, Tuan Mohd Ikram Ahmad, Yang Dipertua MDTM, Tuan Roslan bin Kamaruzaman, Setiausaha MDTM, Ahli Majlis MDTM, Ketua-ketua Jabatan dan Kakitangan MDTM.

Seramai 16 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, 16 orang penerima Anugerah Ketrampilan, 1 orang penerima Anugerah Khas Yang Dipertua MDTM dan 5 orang penerima Anugerah Pesara. Tidak lupa juga pemberian duit raya dan kuih raya kepada semua kakitangan MDTM.





18 APRIL 2023 (Selasa) - bertempat di bersebelahan Dewan Sri Tanjong, MDTM diadakan Program Memasak Bubur Lambuk bersempena Bulan Ramadhan 1444H.



RAMADHAN?

PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK DAN
EDARAN BUBUR LAMBUK BERSEMPENA
BULAN RAMADHAN 1444H

SESI TOWNHALL PELANCONGAN Daerah Muallim

18 APRIL 2023 (Selasa) - Majlis Daerah Tanjong Malim julung kalinya menganjurkan Sesi Townhall Pelancongan Daerah Muallim, dimana ianya merupakan salah satu wadah bagi pemimpin tempatan, agensi- agensi kerajaan/swasta, persatuan/badan bukan kerajaan (NGO), pengusaha/penggiat industri pelancongan tempatan serta wakil komuniti, melontarkan idea/pandangan serta mencari solusi berkaitan isu semasa bagi memperkasakan sektor pelancongan di daerah Muallim. Program ini juga merupakan persediaan daerah Muallim menjelang Tahun Melawat Perak 2024.

Sesi taklimat 1: Pembangunan Sektor Pelancongan Daerah Muallim telah disampaikan oleh Tuan Mohd Ikram bin Ahmad, PPT (Yang Dipertua, MDTM). Seterusnya,

Sesi taklimat 2: Strategic Tourism Investment Destinations In The Northern Corridor Economic Region (NCER), telah disampaikan oleh Encik Muhammad Zaki bin Mohd Saman (Ketua Pelaburan - Pelancongan, Jabatan Pelaburan, NCER). Seterusnya,

Sesi taklimat 3: Pembangunan Kawasan Ekopelancongan Ulu Slim, telah disampaikan oleh IDr. Ahmad Shahril Zam Zam Amin (Senior Manager, Property Development & Infrastructure, Majuperak Holdings Berhad)

Turut hadir bersama Prof. Dato' Dr. Md Amin bin Md Taf (Naib Canselor, UPSI), Encik Roslan bin Kamaruzaman (Setiausaha MDTM), Encik Haroun Agoes Salim bin Shafie (Wakil MOTAC Perak), Ketua-ketua Jabatan Agensi Kerajaan dan Swasta Daerah Muallim dan Batang Padang, Barisan Ahli Majlis, Ketua Jabatan/Unit/ Bahagian MDTM, Pengerak Pelancongan Muallim, Pemain Industri, Persatuan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Terima kasih atas komitmen dan kerjasama semua pihak berkepentingan dalam usaha memajukan sektor pelancongan di daerah Muallim tercinta.



ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS BAHARU

BIL.5/2023



24 MEI 2023 (Rabu) - Angkat Sumpah Ahli Majlis baharu telah dilakukan semasa Mesyuarat penuh Ahli-Ahli Majlis, Majlis Daerah Tanjong Malim BIL.5/2023 pada 24 Mei 2023 (Rabu) iaitu Encik Cures Rau a/l Ramnaidu, Encik Mohamad Khairudin bin Mohamad Nor dan Encik Zulkarnain bin Kamaldin.



LAWATAN PENANDA ARAS

MAJLIS PERBANDARAN JASIN KE MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

16 MEI 2023 (Selasa) - bertempat di Bilik Mesyuarat Sri Malim, MDTM telah diadakan Taklimat dan Lawatan Penanda Aras Inisiatif Kejiranan Hijau (Elemen Pejalan Kaki) yang dihadiri oleh pegawai jabatan-jabatan teknikal Majlis Perbandaran Jasin. Selain sesi perbincangan dan perkongsian pelaksanaan inisiatif kejiranan hijau oleh MDTM, satu lawatan tapak telah dijalankan untuk menunjukkan contoh pelaksanaan inisiatif tersebut.



27 MEI 2023 (Sabtu) - Lebih 500 orang pengunjung telah hadir memeriahkan program Hari Tanpa Kenderaan Muallim Bil.1/2023 (MCFD'23). Program usahama Majlis Daerah Tanjong Malim bersama agensi awam, institut pengajian tinggi, badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti daerah Muallim ini bertujuan memberi kesedaran kepada komuniti berkaitan pentingnya menjaga alam sekitar, disamping menggalakkan budaya hidup sihat di kalangan komuniti setempat.

Program ini turut dihadiri ADUN Behrang, YB Puan Salina Samsudin, Orang Besar Jajahan Daerah Muallim, YDH. Toh Paduka Setia Dato' Ir. Dr. Safry Kamal bin Hj. Ahmad dan Timb. Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UPSI, YBrs. Prof. Dr. Norkhalid bin Salimin.

Pelbagai pengisian/aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tempoh bermula 7.00 pagi sehingga 11.00 pagi, antaranya:

1. Walk For Life - Plogging
2. Recycle Programme & Eco Free Market
3. Demonstrasi Seni Bela Diri (Silat Gayong, Taekwondo & Muay Thai)
4. Fitness Challenge - Wall Abseiling
5. Fitness Challenge - Endurolift
6. Pertandingan Mewarna
7. Pemeriksaan Kesihatan Percuma
8. Manicure
9. Booth Gimnasium/Kesihatan
10. Demonstrasi Seni Graffiti
11. Pertandingan Skateboard

Terima kasih kepada semua rakan usahasama dan komuniti yang sama-sama menyokong dan memeriahkan program.

Nantikan Hari Tanpa Kenderaan Muallim Bil.2/2023 dengan tema dan pengisian/aktiviti yang berbeza, dijangka akan dilaksanakan pada bulan Julai 2023.



HARI TANPA KENDERAAN MUALLIM 2023 (MCFD'23)



Majlis Sambutan HARI RAYA AIDILFITRI

PERINGKAT MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM TAHUN 2023

17 MEI 2023 (Rabu) - bertempat di Dewan Seri Tanjung MDTM diadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Majlis Daerah Tanjong Malim Tahun 2023. Disempurnakan oleh Tuan Mohd Ikram bin Ahmad Yang Dipertua MDTM. Hadir sama Puan Salina binti Samsudin, ADUN Behrang, Tuan Muhammad Zulfadli bin Zainal, ADUN Slim, YDH. Toh Paduka Setia Dato' Ir Dr Safri Kamal bin Hj. Ahmad Orang Besar Jajahan Muallim. Turut hadir tuan Roslan bin Kamaruzaman Setiausaha MDTM, Ahli Majlis, MDTM dan Dif - Dif Jemputan.



KURSUS PENGURUSAN BUKU LOG KENDERAAN, KAD INDEN & REKOD PERGERAKAN DAN PENGUNAAN KAD SISTEM BAYARAN TOL TANPA TUNAI



PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT (GOTONG ROYONG) DI UJANA MUALLIM PROTON CITY TG MALIM



20 MEI 2023 (Sabtu) - bertempat di Ujana Muallim Proton City telah diadakan Taklimat dan Aktiviti gotong royong bersama Pelajar dari Jabatan Pengajian Am Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) serta dihadiri oleh Dr. Salwa dan kakitangan dari Majlis Daerah Tanjong Malim.

Program ini membantu pelajar dalam kalangan pelajar untuk memupuk semangat kesukarelawan dalam kalangan pelajar juga mewujudkan rasa persefahaman dan pengukuhan jati diri antara masyarakat setempat dengan warga PSAS serta mempromosikan tempat menarik di daerah Muallim.



LAWATAN TURUN PADANG BERSAMA AREA OFFICER ZON A8 TAMAN SEGAR

19 JUN 2023 (Selasa) - bertempat di Taman Segar telah diadakan Lawatan Turun Padang bersama 'Area Officer' zon A8. Dihadiri oleh Tuan Mohd Ikram bin Ahmad Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim. Turut hadir Tuan Roslan bin Kamaruzaman Setiausaha MDTM, Ketua Jabatan MDTM dan Ahli Majlis MDTM .



PROGRAM KAUNTER2U

24 JUN 2023 (Sabtu) - bertempat di Balai Lintang Tanjong Malim diadakan Program Kaunter2u. Dihadiri oleh YB Tuan Chang Lih Kang Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi merangkap Ahli Parlimen Tanjong Malim turut hadir YB Puan Salina binti Samsudin ADUN Behrang.

Terima Kasih kepada agensi yang terlibat iaitu Pejabat Daerah dan Tanah Muallim, Ibu Pejabat Polis Daerah Muallim, Pejabat Kesihatan Daerah Tanjong Malim, Hospital Slim River, Pejabat Pergigian Daerah Batang Padang, Universiti Pendidikan Sultan Idris(UPSII), Jabatan Pengangkutan Jalan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pejabat Pendidikan Daerah Muallim, Pejabat Perkeso Tapah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Perak, Jabatan Kerja Raya Daerah Muallim, Puncak Emas Infra Sdn. Bhd. dan Lembaga Tabung Haji bagi menayakan Program Kaunter2u.





22 JUN 2023 (Khamis) - bertempat di Dewan Sri Tanjung MDTM diadakan Perhimpunan Bulanan Majlis Daerah Tanjong Malim Bil.3/2023 yang disempurnakan oleh Tuan Mohd Ikram bin Ahmad Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim.

**PERHIMPUNAN BULANAN
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM**

TAKLIMAT BAGAIMANA MENANGANI PROVOKASI SEMASA BERTUGAS

6 JUN 2023 (Selasa) - bertempat di Auditorium Sri Tanjung, Majlis Daerah Tanjong Malim, pihak MDTM telah menjemput ASP Wan Roszaman bin Wan Harun, Ketua Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah Muallim bagi memberikan Taklimat Bagaimana Menangani Provokasi Semasa Bertugas yang dihadiri oleh semua kakitangan MDTM. Taklimat ini dihadiri oleh kakitangan MDTM daripada pelbagai jabatan. Taklimat ini diadakan bagi memberi pengetahuan dan membantu kakitangan MDTM khususnya yang bertugas di lapangan bagaimana menangani provokasi semasa menjalankan tugas. Taklimat ini juga menerangkan seksyen-seksyen yang digunakan sekiranya provokasi berlaku.





LAWATAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM KE KILANG SIL LEATHER MALAYSIA SDN BHD

8 JUN 2023 (Khamis) - Pihak Majlis Daerah Tanjong Malim bersama wakil Pegawai Daerah, Tekun Nasional, Seketeriat Ushawan Negeri Perak dan Penghulu Mukim telah menjalankan lawatan bertempat di alamat No 29, Jalan BIE 1/13, Kota Malim Prima, 35900 Tanjong Malim, Perak. Kilang Sil Leather Malaysia Sdn. Bhd. telah bertapak di Daerah Muallim sejak tahun 2015 sehingga kini. Kilang Sil Leather memberi pendedahan kepada orang awam mengenai jenis-jenis kulit dan mempromosikan kulit sebagai bahan alternatif utama dan mampan dan memberi kesedaran kepada orang awam mengenai kemahiran pembuatan kulit serta menyediakan perkhidmatan pembuatan kulit



SEMAK DAN BAYAR CUKAI TAKSIRAN

Melalui Portal PBTPay



Majlis Daerah Tanjong Malim merupakan salah sebuah PBT yang terpilih melaksanakannya



► Bayar cukai melalui **PBTPay**



1
Notifikasi
Cukai Taksiran



2
Semak
Cukai Taksiran



3
Bayar
Cukai Taksiran



**SALURKAN ADUAN KEPADA
PBT KAWASAN ANDA
MELALUI APLIKASI i-Tegur**
Proses aduan mudah
mengikut kategori



Kerosakan Jalan



Rumput



Lampu Isyarat



Parkir



Tandas



Papan Tandas/Iskian



Serangga



Sampah




Pembakaran Terbuka



Longkang

ADA MASALAH? i-Tegur ADA!
MUAT TURUN SEKARANG



Untuk maklumat lanjut, sila layari
<http://i-tegur.kpkt.gov.my/>

www.kpkt.gov.my @kpkt_gov kpkt KPKT Malaysia




IKLANKAN
PERNIAGAAN ANDA

LED DIGITAL E-BUNTING LIGHTBOX




Lokasi di kawasan strategik Daerah
Tanjong Malim

**UNTUK TUJUAN PENGIKLANAN
DAN PERTANYAAN LANJUT**

 Jabatan Teknologi Maklumat, Pelancongan & Rekreasi

 05-456 3438

 www.mdtm.gov.my